

03 FEB 2002

Zahid-Sangkal

ZAHID NAFI MILIKI BUKTI RASUAH DI KALANGAN PEMIMPIN BN

KUALA LUMPUR, 3 Feb (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi hari ini menyangkal dakwaan Timbalan Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional Saifudin Nasution kononnya beliau mempunyai bukti beberapa pemimpin Barisan Nasional (BN) mengamalkan rasuah dan menyalahgunakan kuasa.

"Saya menafikan bahawa saya mengetahui sebarang maklumat rahsia yang didakwa oleh Saifudin. Malah tidak sedikitpun saya mendapat bukti yang kononnya maklumat rahsia berkenaan turut di dalam pengetahuan saya," katanya dalam satu kenyataan hari ini sebagai menjawab dakwaan Saifudin pada sidang media semalam.

Saifuddin semalam berkata Ahmad Zahid mempunyai semua bukti berhubung penyelewengan, amalan rasuah dan salah tadbir beberapa pemimpin BN dan Ahmad Zahid ada memasukkan perkara itu dalam ucapannya bagi Perhimpunan Agung Pemuda Umno pada tahun 1997, sebelum ucapan itu didakwa Saifuddin disunting kemudian.

Ahmad Zahid berkata dengan membuat kenyataan itu, Saifudin sebenarnya berusaha untuk menyelamatkan diri Ketua Pemuda Keadilan Ezam Mohamed Noor yang pernah mendakwa terdapat beberapa kotak maklumat rahsia yang berada dalam simpanannya tetapi kandungannya tidak pernah didedahkan sehingga kini.

Katanya kewibawaan Keadilan sebagai sebuah parti telah hancur akibat kenyataan kosong dan janji palsu Ezam untuk mendedahkan maklumat rahsia itu, yang mungkin tidak pernah wujud sama sekali.

"Dalam keadaan yang terdesak ini, saya cuba dikaitkan sebagai mengetahui terdapatnya maklumat berkenaan sewaktu saya menjadi ketua Pemuda Umno dahulu," katanya.

Ahmad Zahid berkata beliau percaya Saifudin bertindak mengeluarkan kenyataan itu kerana kepercayaan umum terhadap Keadilan sudah terhakis.

"Saya tidak perlu diheret lagi untuk terjun ke dalam lubang yang mereka gali sendiri," katanya.

Beliau berkata sebagai anggota Majlis Tertinggi Umno dan sentiasa komited dengan perjuangan parti, beliau amat yakin dengan kewibawaan kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden Umno dan Perdana Menteri.

-- BERNAMA

SLR MFJ RON